



**KOSMO, Malaysia**

12 Feb 2015, by

Business & Finance, page 52 - 268.00 cm<sup>2</sup>

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 208,331  
(MTWTF)

ID 371964884

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

# MSM catat keuntungan terbaik

**KUALA LUMPUR** – MSM Holdings Bhd. (MSM), pengeluar gula bertapis terbesar negara, mencatatkan rekod keuntungan selepas cukai sebanyak RM74.96 juta pada suku keempat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berbanding RM25.9 juta suku yang sama tahun sebelumnya.

Anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) itu turut mencatatkan perolehan sebanyak RM628.07 juta, sekali gus meningkatkan penguasaan pasaran gula tempatan kepada 64 peratus dalam tempoh kewangan tersebut.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod (**gambar kecil**) berkata, pencapaian terbaik dalam sejarah 50 tahun syarikat itu telah didorong oleh pengurangan kos menyeluruh dan kenaikan jualan.

“MSM memberi tumpuan terhadap inisiatif pengurangan kos, pengurusan operasi yang mantap dan berjaya melakukan perlindungan nilai dalam pasaran gula mentah.

“Langkah ini bertepatan pada waktunya dan ia memberikan impak positif terhadap prestasi suku terakhir tahun lalu,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sheikh Awab menjelaskan, inisiatif pengurangan kos telah dilaksanakan di seluruh operasi MSM dan rantai supPLY bekalan.

Syarikat juga melaksanakan penstrukturran semula lokasi pusat pengedaran dan menjalani program penjimatan penggunaan tenaga elektrik.

“Kami juga berjaya mengawal kos gula mentah menerusi mekanisme pasaran hadapan secara optimum,” ujarnya.

Bagi perbandingan dari tahun ke tahun, beliau memaklumkan,

perolehan MSM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 meningkat sebanyak 3.6 peratus kepada RM2.28 bilion berbanding tahun sebelumnya, manakala keuntungan selepas cukai naik satu peratus kepada RM257.01 juta untuk tempoh yang sama.

“MSM berjaya mengekalkan prestasi positif walaupun subsidi gula telah dimansuhkan pada tahun lalu dan ini memberi dimensi baharu kepada persekitaran operasi syarikat,” kata beliau.

Tambah Sheikh Awab, penamatan subsidi gula tidak memberi kesan yang terlalu ketara terhadap keputusan kewangan syarikat.

“Namun syarikat berdepan dengan persekitaran mencabar seperti pengeluaran permit import gula yang telah menyebabkan lambakan gula tidak berkualiti dan peningkatan penyeludupan,” ujarnya.



MSM berjaya meningkatkan penguasaan pasaran gula di pasaran tempatan dan menjadikannya sebagai peneraju pengeluar gula di negara. — Gambar hiasan